

75

Yang Di-Pertuan Agong Perkenan Pemberian Anugerah Ijazah Kehormat Kepada Presiden Indonesia
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 02 Ogos 2010 17:41

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

2 OGOS 2010 / 21 SYAABAN 1431H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Yang Di-Pertuan Agong Perkenan Pemberian Anugerah Ijazah Kehormat Kepada Presiden Indonesia

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar: Hairul Nizam Zahari



PENGANUGERAHAN...Sekitar Majlis Menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Istana Terengganu, Kuala Lumpur, pagi tadi.

UUM ONLINE: Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin telah bersetuju untuk Universiti Utara Malaysia (UUM), menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kepemimpinan Keamanan) kepada Presiden Republik Indonesia, Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono.

Penganugerahan itu dijangka akan dilaksanakan sempena Majlis Konvokesyen ke-23 Sidang Kedua UUM pada 31 Oktober 2010 atau Istiadat Konvokesyen Khas UUM pada 16 Februari 2011.

Persetujuan itu dicapai dalam majlis menghadap Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dilakukan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa Ishak bersama Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Ramli Hassan dan Pengarah Jabatan Canselor UUM, Baharudin Yaacob, di Istana Terengganu, Kuala Lumpur, pagi tadi.